

## Konsep Reka Corak Kraf Anyaman Tradisional dan Signifikasinya dalam Warisan Kearifan Masyarakat Dusun Tindal di Sabah.

Salbiah Binti Kindoyop,  
Humin Jusilin (PhD)  
Universiti Malaysia Sabah  
Noria ak Tugang (PhD)  
Universiti Malaysia Sarawak  
Email penulis: [salbiah.bea@gmail.com](mailto:salbiah.bea@gmail.com)

### Pengenalan

Penempatan utama masyarakat Dusun Tindal terletak di Daerah Kota Belud, Sabah. Menurut cerita lisan<sup>1</sup>, asal usul masyarakat Dusun Tindal bermula dari Daerah Ranau. Pada masa tersebut, mereka dipanggil sebagai “*Orang Dusun*” dan mereka tinggal di bawah sepohon kayu ara atau *nunuk ragang*. Pokok ara ini tumbuh di pinggir sungai yang terletak di hulu labuk yang dikenali sebagai kampung Tompias. Akibat kekurangan makanan dan ruang akhirnya “*Orang Dusun*” tersebut telah berhijrah ke seluruh pelusuk Negeri Sabah. Maka “*Orang Dusun*” yang mula mendiami Daerah Kota Belud telah menggelar diri mereka sebagai Dusun Tindal yang bermaksud tinggal di darat.


Masyarakat Dusun Tindal mempunyai amalan warisan tradisi yang dapat mewakili keutuhan identiti mereka. Masyarakat ini juga mempunyai akal dan pemikiran yang kreatif sehingga dapat mencipta hasil-hasil seni kraf tangan yang tersendiri. Selain daripada kearifan dalam menghasilkan pakaian tradisi dan kraftangan yang pelbagai rekaan, masyarakat Dusun Tindal turut aktif dalam penghasilan kraf anyaman. Antara jenis anyaman yang dihasilkan oleh masyarakat Tindal adalah seperti, anyaman bakul, tikar, raga dan bekas penyimpanan padi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan tentang anyaman tradisional bakul iaitu, bakul *nurod* dan bakul *sisiri*.

### Kraf Anyaman

Kraftangan anyaman dipercayai bermula tanpa menerima pengaruh luar. Menurut Siti Zainon (1986:119), menganyam bermaksud satu proses menjaringkan helaian atau jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh dan beberapa jenis tumbuhan lain dengan cara menyusun dan menyusupkannya di antara satu sama lain. Kraf anyaman dalam kalangan masyarakat Dusun Tindal mempunyai pelbagai rupa bentuk. Salah satu jenis kraf tangan anyaman masyarakat ini adalah jenis bakul yang dipanggil sebagai *nurod* dan *sisiri*. Kedua-dua anyaman tradisi ini diperbuat daripada bahan semula jadi seperti batang bambu dan rotan.

Kraf anyaman *nurod* dan *sisiri* masyarakat Tindal merupakan antara anyaman tradisi yang telah digunakan secara turun temurun. Kedua-dua bakul ini mempunyai ciri yang sama iaitu, dihasilkan mengikut bahan dan peralatan yang sama serta teknik yang hampir sama. Walau bagaimanapun, bentuk dan fungsi anyaman tradisi ini adalah berbeza. Bentuk *nurod* adalah bulat manakala bentuk *sisiri* adalah bujur. Dari segi fungsi atau kegunaan, bakul *nurod* lazimnya sebagai alat menampi padi manakala bakul *sisiri* lebih sesuai digunakan untuk mengasingkan padi dari beras. Reka corak motif anyaman tradisi ini juga agak berbeza kerana dianyam mengikut kesesuaian fungsinya. Reka corak tersebut terhasil daripada signifikan pemikiran dalam warisan kearifan masyarakat itu sendiri. Rajah 1 (i, ii, iii dan iv), merupakan imej bakul *nurod* dan bakul *sisiri*.

Rajah 1: Imej Bakul *Nurod* dan Bakul *Sisiri*



<sup>1</sup> Sigim Binti Dalani (73), seorang pembuat kraf anyaman bakul tradisi. Temubual pada 1 Mei 2016.